



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SABTU, 10 FEBRUARI 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	BANTUAN: JKM TINGKAT SISTEM PENYAMPAIAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/648548/berita/nasional/bantuan-jkm-tingkat-sistem-penyampaian	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	PELAJAR LELAKI JUGA PERLU DIBERI KESEDARAN HAID	
	https://www.kosmo.com.my/2024/02/09/pelajar-lelaki-juga-perlu-diberi-kesedaran-haid/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	PROGRAM JUALAN RAHMAH TARIK 807,254 PENGUNJUNG SEPANJANG 2023	
	https://suarasarawak.my/program-jualan-rahmah-tarik-807254-pengunjung-sepanjang-2023/	SUARASARAWAK.MY
	https://www.tvsarawak.my/2024/02/09/sarawak-berkuasa-edar-gas-lpg-kpdn-sedia-bantu-mut-armizan/	TVSARAWAK.MY
	https://dayakdaily.com/minister-smuggled-subsidised-diesel-worth-rm6-5-mln-confiscated-in-sarawak-last-year/	DAYAKDAILY.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1210669/polis-bantu-banteras-ketirisan-barang-subsidi-armizan	BHARIAN.COM.MY
	https://dayakdaily.com/as-sarawak-takes-over-gas-distribution-activities-putrajaya-offers-enforcement-training-and-advocacy/	DAYAKDAILY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	CONFRONTING CHILD MARRIAGE NATIONWIDE: CONCRETE ACTION NEEDED	
	https://aliran.com/civil-society-voices/confronting-child-marriage-nationwide-concrete-action-needed	ALIRAN.COM



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER	
5	NENEK GIGIH JAGA 4 CUCU 'DIBUANG' IBU KANDUNG	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1059247/nenek-gigih-jaga-4-cucu-dibuang-ibu-kandung	HMETRO.COM.MY
		https://malaysiagazette.com/2024/02/09/nenek-70-tahun-bela-empat-cucunya-dibuang-mak-dan-bapa-sendiri/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER	
6	BEKAS PENGAWAL KESELAMATAN DIDAKWA AMANG SEKSUAL MURID TAHUN SATU	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1210475/bekas-pengawal-keselamatan-didakwa-amang-seksual-murid-tahun-satu	BHARIAN.COM.MY
		https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1059145/bekas-pengawal-keselamatan-tak-mengaku-cabul-murid-tahun-satu	HMETRO.COM.MY
		https://www.kosmo.com.my/2024/02/09/bekas-pengawal-keselamatan-didakwa-nodai-budak-7-tahun/	KOSMO.COM.MY
		https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/09/amang-seksual-murid-tahun-satu-bekas-pengawal-keselamatan-mengaku-tak-salah/	FREEMALYSIATODAY.COM
		https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/bekas-pengawal-keselamatan-didakwa-amang-seksual-murid-tujuh-tahun/	UTUSAN.COM.MY
		https://malaysiagazette.com/2024/02/09/amang-seksual-kanak-kanak-oku-lembab-dirujuk-pakar-psikiatari/	MALAYSIAGAZETTE.COM
		https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bekas-pengawal-keselamatan-mengaku-tidak-bersalah-cabul-murid-tahun-satu-457558?	ASTROAWANI.COM
		https://www.buletintv3.my/nasional/cabul-murid-tahun-1-bekas-pengawal-keselamatan-mengaku-tidak-bersalah/	BULETINTV3.MY
		https://www.sinarharian.com.my/article/648740/berita/semasa/bekas-pengawal-keselamatan-tak-mengaku-cabul-murid-tahun-satu	SINARHARIAN.COM.MY
		https://www.youtube.com/watch?v=71Sz3mKUNFE	YOUTUBE



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM




www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
7	JURULATIH HOKI MENGAKU BERSALAH AMANG SEKSUAL EMPAT PELAJAR LELAKI	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/jurulatih-hoki-mengaku-bersalah-amang-seksual-empat-pelajar-lelaki/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=vnB0ga4hiwI	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
8	BURUH KONTRAK TIDAK MENGAKU DERA ANAK KANDUNG	
	https://www.kosmo.com.my/2024/02/09/buruh-kontrak-tidak-mengaku-dera-anak-kandung/	KOSMO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1210610/bapa-didakwa-dera-anak-kandung	BHARIAN.COM.MY



Bantuan: JKM tingkat sistem penyampaian

09 Februari 2024 09:30am Masa membaca: 4 minit



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri (duduk) menyantuni klien JKM dan menyerahkan surat kelulusan bantuan.

SHAH ALAM - Dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup golongan yang memerlukan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa melaksanakan pendekatan proaktif dengan menawarkan perkhidmatan bantuan kewangan bagi memastikan golongan sasaran.

Bantuan kewangan tersebut secara umumnya merangkumi proses pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian yang mana ia merupakan sebahagian daripada kaedah dalam kerja sosial. Malah, bantuan kewangan yang disediakan serta disalurkan oleh JKM itu mengambil kira potensi yang ada pada setiap penerima yang produktif ke arah hidup berdikari.

Secara ringkasnya, bantuan kewangan JKM kepada kumpulan sasaran yang merangkumi kanak-kanak, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU), orang papa, mangsa bencana, mangsa keganasan rumah tangga, pesalah muda dan mangsa perdagangan orang itu khusus untuk membantu golongan-golongan berkenaan memenuhi keperluan asas, meringankan beban hidup serta membantu golongan sasaran mencapai kemandirian.

Sungguhpun begitu, bantuan kewangan tersebut perlu difahami bahawa ia bukanlah bersifat kekal.

Sebaliknya, ia adalah bersifat sementara sehinggalah keadaan kumpulan sasaran pulih serta mampu hidup berdikari, terus kekal tinggal bersama komuniti dan masyarakat dan akhirnya keluar daripada kebergantungan bantuan kerajaan.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), JKM yang ditubuhkan sejak 78 tahun lalu telah melalui pelbagai fasa perubahan. Bagaimanapun, peranan JKM sentiasa kekal relevan terutamanya dalam menyediakan bantuan dan sokongan kewangan kepada golongan berkeperluan yang mana objektif utama adalah untuk memenuhi keperluan asas, menyediakan sokongan sosial, pemulihan serta menjadi sumber kewangan sementara.

Jenis bantuan, kadar dan kelayakan

Bantuan kewangan bulanan JKM terbuka kepada pelbagai golongan seperti keluarga miskin, warga emas dan OKU. Sungguhpun begitu, kadar bantuan adalah berbeza mengikut kategori skim serta keperluan golongan sasaran.

Antara Kategori skim-skim bantuan bulanan yang disalurkan oleh JKM adalah seperti;

Bantuan Kanak-kanak (BKK)

- Kadar RM150 hingga maksimum RM1,000 sebulan dipertimbangkan kepada keluarga miskin atau ibu bapa tunggal yang menjaga anak-anak mereka.

Bantuan Warga Emas (BWE)

- RM500 sebulan dipertimbangkan kepada warga emas berusia 60 tahun dan ke atas yang tidak mempunyai pendapatan.

Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)

- RM450 sebulan dipertimbangkan kepada OKU yang sedang bekerja dengan pendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan sebagai insentif untuk terus bekerja.

Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)

- RM300 sebulan dipertimbangkan kepada OKU yang tidak berupaya bekerja kerana kecacatan teruk dan tidak berupaya bekerja.

Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT)

- RM500 sebulan dipertimbangkan kepada penjaga OKU terlantar atau pesakit kronik terlantar bagi mengurangkan beban perbelanjaan keluarga penjaga.

Bantuan Am Persekutuan (BA)

- RM100 hingga RM350 sebulan dipertimbangkan kepada keluarga miskin dan kumpulan sasaran lain yang memerlukan.

Bantuan Latihan Perantis (BLP)

- RM200 sebulan dipertimbangkan kepada semua kumpulan sasaran JKM yang mengikuti latihan kemahiran atau penempatan kerja bagi menambahkan kemahiran dalam sesuatu bidang.

Bantuan Anak Pelihara (BAP)

- RM250 sebulan hingga maksimum RM500 sebulan sekeluarga bagi meringankan tanggungan keluarga yang sanggup menjaga anak-anak pelihara seperti anak sendiri.

Selain itu, JKM turut menyediakan perkhidmatan bantuan kewangan lain secara sekali gus (one-off) untuk manfaat kumpulan sasaran melibatkan situasi-situasi tertentu seperti;

Bantuan Geran Pelancaran (BGP)

- RM2,700 dipertimbangkan kumpulan sasaran JKM bagi memulakan projek atau pekerjaan yang boleh mendatangkan pendapatan ke arah berdikari.

Bantuan Alat Tiruan Dan Sokongan

- RM10,000 sehingga RM20,000 (dengan kelulusan khas) bagi membantu kumpulan sasaran JKM yang tidak berkemampuan membeli alat tiruan atau alat sokongan seperti kaki palsu, kerusi roda, alat pendengaran dan lain-lain peralatan yang diperlukan.

Tabung Bantuan Segera (TBS)

- Pemberian bantuan segera kepada kumpulan sasaran yang terdesak dengan kadar RM300.

PGK dan peruntukan 2024

Berdasarkan Belanjawan 2024, kerajaan telah menetapkan semula Pendapatan Garis kemiskinan (PGK) baharu sebagai syarat asas kelayakan bantuan kewangan JKM berkuatkuasa pada 1 Januari 2024.

Berdasarkan penetapan PGK baharu itu, syarat kelayakan penerima bantuan ditetapkan pada kadar RM1,198 dan per kapita semasa pada kadar RM322 selari dengan peruntukan RM2.4 bilion bagi tahun ini yang memberi manfaat kepada 450,000 kumpulan sasaran.

Sungguhpun begitu, kelulusan bantuan JKM tidak bergantung pada perkiraan PGK semata-mata, tetapi turut mengambil kira pertimbangan aspek-aspek lain seperti sokongan sosial dan keadaan kewangan keluarga.




NORAZMAN

Pertimbangan itu ditegaskan sendiri Ketua Pengarah JKM, Norazman Othman yang mana beliau menegaskan aspek sokongan sosial dan keadaan kewangan keluarga itu dilihat secara menyeluruh.

"Antara yang diambil kira melibatkan tanggungan keluarga, masalah kesihatan yang kronik, keperluan penjagaan yang rapi, psikologi sosial, tahap ketidakpercayaan ketua keluarga atau ahli keluarganya dan faktor-faktor lain yang munasabah serta boleh memberikan gambaran kedudukan kewangan dan perbelanjaan keluarga," jelas beliau.

Pada masa sama, JKM turut melaksanakan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan yang sedia ada. Usaha itu termasuk menerapkan aspek pendigitalan dalam pengurusan perkhidmatan bantuan kepada kumpulan sasaran.

Maklumat lanjut mengenai bantuan JKM, boleh melayari <https://www.jkm.gov.my> atau menghubungi talian Kasih 15999 atau aplikasi WhatsApp 0192615999.



Pelajar lelaki juga perlu diberi kesedaran haid

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI 9 Februari 2024, 8:20 am



NANCY (duduk, kiri) bergambar bersama pelajar sekolah yang menyertai Program Kasih Remaja Kotex #SheCan Project di Hikmah Exchange, Kuching, Sarawak baru-baru ini.

BUAT julung kalinya, pelajar lelaki sekolah menengah di Kuching, Sarawak dibawa untuk menyertai program kesedaran haid.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ia antara langkah bagi menektahkan stigma yang sekian lama menyelubungi masyarakat berhubung haid.

Menurutnya, sebelum ini, program kesedaran mengenai haid hanya membabitkan pelajar perempuan.

Namun, katanya, bagi mengikis stigma itu, pelajar lelaki perlu dididik agar mereka memahami mengenai haid dan kesihatan reproduktif.

"Ini kali pertama kita menganjurkan program kesedaran haid dengan pelajar lelaki. Kita akan teruskannya dalam program lain seluruh negara. Penyertaan pelajar lelaki penting dalam usaha kita mengikis stigma mengenai haid.

"Ini membantu mereka memahami sebab rakan perempuan mereka sakit perut atau tidak datang sekolah ketika mengalami haid," katanya.

Nancy berkata demikian pada Majlis pelancaran Program Kasih Remaja Kotex #SheCan Project di Hikmah Exchange, Kuching baru-baru ini.

Seramai 1,000 pelajar sekolah sekitar Kuching dengan 300 daripadanya pelajar lelaki menyertai program anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Pendidikan serta Kimberly-Clark itu.

Ujar Nancy, menerusi program itu, seramai 600,000 pelajar sekolah wanita di seluruh negara diperkasa dengan akses kepada alat kebersihan haid yang sesuai.


Katanya, mereka juga didedahkan dengan pendidikan tentang kesihatan reproduktif.

"Ini bukan hanya soal sanitasi, tetapi berkaitan maruah, keyakinan, dan potensi penuh mereka.

"Kami juga mengambil inisiatif untuk memperkasakan pelajar lelaki dengan pengetahuan dan kesedaran tentang isu haid. Ini adalah langkah penting dalam membentuk generasi yang lebih empati dan memahami," ujarnya.

Nancy berkata, berdasarkan Laporan Kajian Status Pengurusan Haid yang dikeluarkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) tahun lalu, sebanyak 9.9 peratus daripada 130,000 pelajar perempuan mempunyai masalah mendapatkan produk pengurusan haid.

Justeru katanya, peruntukan sebanyak RM5.3 juta disediakan KPWKM bagi menjayakan program membantu pelajar yang menghadapi masalah tersebut.



Program Jualan Rahmah tarik 807,254 pengunjung sepanjang 2023

@ MOHD ZAHID AHMAD ZAKI 📱 51 minit lepas 🕒 51 minit lepas

KUCHING: Program Jualan RAHMAM (PJR) berjaya menarik seramai 807,254 pengunjung menerusi 727 penganjuran PJR di Sarawak, meliputi 31 kawasan Parlimen sepanjang tahun 2023.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata, program anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) itu menawarkan jualan barangan keperluan harian pada harga yang menjimatkan.



BERTUAH... Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri menyampaikan hadiah cabutan bertuah iaitu peti sejuk kepada pemenang. | GHAZALI BUJANG

"Bertujuan memberi manfaat kepada orang ramai khususnya golongan sasaran, jualan berkenaan menjual barangan sehingga 30 peratus lebih murah daripada harga pasaran tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan PJR di ruang letak kereta Mydin Bandar Baru Samariang di sini, hari ini.

Sehubungan itu, beliau menekankan agar orang ramai melayari portal KPDN di <https://www.kpdn.gov.my/ms/jualan-rahmah/> bagi mendapatkan jadual penganjuran PJR di kawasan setempat.

"Kementerian kami telah membuat penambahbaikan kepada program ini sejak Januari 2024, dengan menyediakan akses kepada orang ramai untuk mendapatkan jadual penganjuran PJR pada masa akan datang.

"Pendekatan ini dibuat untuk memastikan orang ramai boleh mendapat maklumat lebih awal tentang tarikh dan lokasi penganjuran yang akan berlangsung di kawasan Parlimen dan DUN masing-masing," jelasnya.


Sementara, orang ramai tidak terlepas untuk menikmati tawaran jualan harga murah terhadap barang keperluan harian seperti minyak masak paket, pencuci baju, makanan segera dan sebagainya.

Hadir sama Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri merasmikan program jualan berkenaan.



Confronting child marriage nationwide: Concrete action needed

9 Feb 2024



Sisters in Islam (SIS) regards the recent report by Free Malaysia Today, revealing an 82.8% decline in child marriages in Selangor between 2018 and 2022 as welcoming.

However, while we see this as positive news for Selangor, we cannot ignore the glaring gaps in addressing this pressing issue on a national scale.

The reported success in Selangor, as presented to the UN Human Rights Council, demands a critical examination of the overall situation in the country.

The Ministry of Women, Family and Community Development's assertion that Selangor's progress is an exemplar of the national strategic plan in handling the causes of child marriage (2020-2025) raises essential questions about the efficacy of these strategies in states beyond Selangor.

The ongoing mid-term review of the strategic plan, as disclosed in Geneva, prompts SIS to insist on transparency and urgency in rectifying any shortcomings. It is unacceptable that child marriages persist despite comprehensive initiatives and data available.

Commendable efforts in Selangor and Kedah, where the legal minimum age of marriage has been raised to 18, emphasise the positive impact of legal reform.

However, the lack of uniform progress across states raises concerns about the commitment to eradicating child marriages at the national level.

We reiterate the call for religious authorities to acknowledge the adverse consequences of child marriages and join the effort to protect young girls and urge the government to intensify engagement with states, resisting the raising of the legal age for marriage, prioritising the wellbeing of the child over outdated practices.

In 2019, the then Women, Family and Community Development Minister, Dr Wan Azizah Wan Ismail, informed the House of Representatives that the federal territories were currently in the process of amending [while] Johor, Melaka, Penang, Perak and Sabah had consented to do so.

SIS questions why, despite these assurances, the progress remains at such a preliminary stage. This stagnation in protecting the rights of women and children is a stark reflection of the government's lack of political will to ensure the wellbeing of all in society, not just of a privileged few. Reflecting on our 2019 plea to Putrajaya and enquiries about the involvement of the children's commissioner in the national strategic plan, the slow or lack of progress and regional disparities persist, giving concerns that couples could potentially exploit legal loopholes across states, among other things.

A nationwide ban is imperative to protect all citizens, especially the vulnerable among us, children and women.

It should be noted that child marriage locks girls out of learning, puts their health and wellbeing at risk and compromises their future.

What legacy does the nation seek if it fails to enact reforms that protect its most vulnerable members of society? There seems to be a lack of political will from Putrajaya on all things women related.

Despite promises made earlier in 2019, nothing substantial has come to fruition. SIS calls for concrete, swift actions and genuine efforts to convince other states like Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Sarawak, Terengganu and all other states to raise the age for marriages for both Muslims and natives.

In conclusion, we emphasise the urgent need for concrete action, not just promises. We call on the government to demonstrate unwavering commitment to protecting the rights of all citizens, irrespective of their geographic location. – SIS

The views expressed in Aliran's media statements and the NGO statements we have endorsed reflect Aliran's official stand. Views and opinions expressed in other pieces published here do not necessarily reflect Aliran's official position.



Nenek gigih jaga 4 cucu 'dibuang' ibu kandung

Mary Victoria Dass
am@metro.com.my



Johor Bahru: Demi kasih sayang, seorang nenek mengambil alih tugas membesarkan empat cucu termasuk seorang orang kurang upaya (OKU) selepas mereka menjadi mangsa pengabaian ibu kandung.

Warga emas itu yang hanya mahu dikenali sebagai Mariam, 68, menjaga empat cucunya berusia, 11, 10, enam dan tujuh bulan.

Menurutnya, dia tidak sanggup melihat cucunya berdepan pelbagai kesukaran hidup akibat perbuatan tidak bertanggungjawab anaknya yang melakukan pengabaian terhadap mereka sejak kecil lagi.

"Anak perempuan saya terabit dengan penagihan dadah dan dia juga bergelumang dengan masalah sosial.

"Cucu sulung ditinggalkan di rumah mereka di Ipoh, Perak selepas dilahirkan. Demikian juga dengan dua lagi cucu.

"Cucu keempat diserahkan kepada saya oleh pihak mahkamah di Ipoh selepas ibunya disabitkan kes penderaan dan pengabaian anak," katanya ditemui di sebuah projek perumahan rakyat (PPR) di bandar raya ini hari ini.

Menurutnya, cabaran dan ujian terbesar dihadapinya ketika ini adalah cucu keempat dilahirkan dengan masalah sumbing bibir dan lelangit dan memerlukan pembedahan segera di Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini.



Nenek menjaga empat cucu yang ditinggalkan ibu kandung mereka. FOTO NUR AISYAH MAZALAN

Menurutnya, buat masa ini dia menampung kos ulang-alik ke hospital, keperluan dan persekolahan cucu menggunakan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Baitulmal RM1,000 sebulan.

"Katanya, sebelum ini dia bekerja sebagai tukang cuci dan menjual cendol namun kini dia tidak mampu bekerja selepas mengalami kecederaan kaki akibat kemalangan selepas diragut penjenayah empat tahun lalu.

Terdahulu ibu tunggal itu menerima kunjungan Pengurus Besar Pasar Raya Eonsave, Mas Imran Adam yang menyampaikan sumbangan.

Mas Imran berkata, bantuan barang basah, keperluan asas, susu dan lampin pakai buang bernilai RM1,100 bagi meringankan beban Normah.

"Kami akan membantu anak-anak ini menyediakan pakaian dan kelengkapan sekolah mereka selain membantu membersihkan rumahnya demi kesejahteraan mereka," katanya.



Bekas pengawal keselamatan didakwa amang seksual murid Tahun Satu

Oleh [Muhamad Lokman Khairi](#) - Februari 9, 2024 @ 11:42am
bhnews@bh.com.my



Mohd Ridzwan mengaku tidak bersalah atas tuduhan melakukan amang seksual fizikal ke atas murid perempuan Tahun Satu di Mahkamah Sesyen Teluk Intan, hari ini. - NSTP/ MUHAMAD LOKMAN KHAIRI

TELUK INTAN: Seorang bekas pengawal keselamatan didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal ke atas murid perempuan Tahun Satu.

Tertuduh, Mohd Ridzwan Mahmud @ Mahamood, 46, mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Intan Nurul Farena Zainal Abidin.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu ke atas mangsa yang berusia tujuh tahun dengan meraba dan memegang kemaluan kanak-kanak berkenaan di hadapan kelas sebuah sekolah rendah di Hilir Perak pada jam 6.45 pagi, 31 Januari lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan juga boleh dikenakan sebatan.

Timbalan Pendakwa Raya R Rishan Kumar mencadangkan tertuduh ditawarkan jaminan RM20,000 dengan syarat tambahan tidak boleh mengganggu mangsa.

Peguam bela tertuduh, Amir Khusyairi Mohamad Tanusi merayu mahkamah menawarkan jaminan rendah memandangkan Mohd Ridzwan berstatus orang kurang upaya (OKU) kategori lembab, selain meminta lelaki itu dirujuk kepada pakar psikiatri.

"Anak guam saya baru dipecat daripada pekerjaannya. Beliau hanya tinggal berdua bersama ibunya yang uzur berusia 78 tahun," katanya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin, serta syarat tambahan perlu melaporkan diri di balai polis sebulan sekali dan tidak boleh mengganggu atau mendekati mangsa.

Hakim turut memerintahkan tertuduh dihantar ke Hospital Bahagia Ulu Kinta untuk menjalani pemeriksaan mental dan menetapkan 8 Mac depan sebagai tarikh sebutan semula kes.



Jurulatih hoki mengaku bersalah amang seksual empat pelajar lelaki



HIDAYAT Jalil (kiri) mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Taiping hari ini di atas lima pertuduhan melakukan amang seksual terhadap empat remaja lelaki. - UTUSAN

Oleh ASLIZA MUSA 9 Februari 2024, 5:47 pm

TAIPING: Seorang jurulatih hoki di sebuah sekolah di sini mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Taiping hari ini di atas lima pertuduhan melakukan amang seksual terhadap empat remaja lelaki.

Tertuduh, Hidayat Jalil, 50, membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan ke atasnya dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Nabisha Ibrahim.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang telah berkahwin itu didakwa melakukan perbuatan amang seksual fizikal dengan cara memeluk dari arah belakang, memegang kemaluan dan punggung pelajar lelaki berusia 14 dan 16 tahun selain melakukan onani dihadapan salah seorang mangsa.

Dia didakwa melakukan perbuatan tersebut di beberapa lokasi iaitu di dua buah hotel di Jalan Kamunting Lama dan Jalan Barrack serta di dalam sebuah kereta di pekarangan sebuah hotel di dalam daerah Larut Matang dan Selama antara Julai 2023 hingga 21 Januari 2024.

Pendakwaan terhadap lelaki itu dibuat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKSTKK) 2017 dibaca bersama Seksyen 16(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan mengikut Seksyen 14(a) AKSTKK 2017, tertuduh boleh dihukum penjara tidak lebih 20 tahun dan sebatan manakala Seksyen 16(1) AKSTKK 2017 pula hukuman penjara tidak lebih lima tahun dan sebat tidak kurang lima sebatan.


Bagi kesalahan melakukan onani, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 15(a)(i) AKSTKK 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda maksimum RM20,000 atau kedua-duanya.

Pada prosiding di mahkamah sama, tertuduh bagaimanapun mengaku tidak bersalah di bawah Seksyen 14(a) AKSTKK 2017 iaitu mencium pipi kanan mangsa berusia 14 tahun di hadapan sebuah rumah di Taman Kamunting pada pukul 8.30 malam, 2 Disember 2024.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Ng Yan Ni manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM40,000 bagi kesemua pertuduhan dan menetapkan hukuman tarikh lain pada 4 Mac depan sementara menunggu fakta kes.

Tarikh sama juga ditetapkan untuk sebutan semula kes di bawah Seksyen 15(a)(i) AKSTKK 2017 bagi tujuan serahan dokumen dan lantikan peguam. - UTUSAN



Buruh kontrak tidak mengaku dera anak kandung

Oleh NOOR HASLIZA NUSI 9 Februari 2024, 4:40 pm



Tertuduh (tengah) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ipoh hari ini atas pertuduhan mendera anak perempuannya yang berusia lima tahun, Isnin lalu. Foto oleh MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA/ KOSMO!

IPOH – Seorang buruh kontrak mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan mendera anak perempuannya yang berusia lima tahun.

Tertuduh berusia 32 tahun membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Ainul Shahrin Mohamad.

Bapa dua anak itu didakwa melakukan penganiayaan sehingga menyebabkan kecederaan fizikal terhadap anaknya di sebuah rumah di Ipoh pada pukul 8 malam, 5 Februari lalu.

Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Haiqal Asyraf Suhaimi mencadangkan jaminan RM8,000 namun tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon jumlah yang minimum dengan alasan dia berpendapatan RM1,500 sebulan dan menanggung isteri serta dua anak.

Mahkamah membenarkan lelaki itu diikat jamin RM4,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan sebutan semula kes pada 27 Mac ini.

Tangkapan terhadap tertuduh dibuat selepas guru tadika anaknya membuat laporan polis selepas mendapati ada kesan lebam atau birat seperti dirotan pada lengan tangan kanan mangsa.

Mangsa kemudian dibawa ke hospital oleh pengadu bagi mendapatkan rawatan. Doktor memaklumkan kanak-kanak itu mungkin mengalami trauma dan kecederaan di tempat sama itu adalah yang ketiga dilihat pengadu. – KOSMO! ONLINE